

NOTA SISTEM BAHASA



Kata Nama Am

- Kata nama am digunakan untuk menyebut atau menamakan sesuatu benda, orang, tempat, binatang, atau tumbuhan secara umum.

Jenis	Contoh
Benda	buku, pensel, rumah, almari, cermin
Orang	abang, doktor, rakan, pelawak, nenek
Tempat	hospital, dewan, sungai, perpustakaan
Haiwan	ayam, rusa, badak, ketam, gajah
Tumbuhan	pokok, betik, langsung, bunga, daun

- Contoh ayat:**

(a) Ibu membela ayam di belakang rumah.

(b) Kakak berjoging di padang.

(c) Buku baru itu dibeli oleh ayah.

(d) Pokok bunga orkid sangat mahal harganya.



Kata Nama Khas

- Kata nama khas digunakan untuk menyebut atau menamakan sesuatu benda, orang, tempat, binatang, atau tumbuhan secara khusus.

Jenis	Contoh
Benda	Kamus Perdana, Kasut Nike, Pen Stabilo
Orang	Cikgu Tan, Puan Rosnah, Cik Siti
Tempat	Gunung Kinabalu, Kuala Lumpur, Bukit Fraser
Haiwan	Sang Kancil, Si Comel

- Contoh ayat:**

(a) Kucingnya diberi nama *Si Tompok*.

(b) Kami mengunjungi *Tanah Tinggi Cameron* minggu lepas.

PERBEZAAN KATA NAMA AM DAN KATA NAMA KHAS

Kegunaan	Kata Nama Am	Kata Nama Khas
Benda	bangunan, kereta, buku, sekolah	Bangunan Tabung Haji, Proton Saga
Orang	doktor, kerani, guru, kanak-kanak, lelaki	Doktor Efendi, Puan Zainun, Cikgu Azmi
Binatang	kucing, lembu, katak, ayam, burung	Si Tompok, Lembu Sapi, Katak Puru, Ayam Belanda
Tempat	negeri, bandar, kampung	Sarawak, Kuching, Kampung Igan



Kata Ganti Nama Diri

- Kata ganti nama diri ialah perkataan yang digunakan untuk menggantikan nama bagi kata nama khas atau kata nama am.
- Kata ganti nama diri terbahagi kepada tiga jenis, iaitu kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua, dan kata ganti nama diri ketiga.

Jenis	Penggunaan	Contoh
Kata Ganti Nama Diri Pertama	Merujuk kepada orang yang bercakap	aku, saya, beta, patik, hamba, kita, kami
Kata Ganti Nama Diri Kedua	Merujuk kepada orang yang bercakap dengan kita	kamu, engkau, tuanku, awak, kalian, tuan hamba
Kata Ganti Nama Diri Ketiga	Merujuk kepada orang yang dicakapkan halnya	dia, beliau, mereka, baginda, -nya

Contoh ayat yang menggunakan kata ganti nama diri:

- "Guru sedang mencari awak," kata Azim pada Lina.
- Aku akan sampai sebentar lagi.
- Dia sedang menolong bapanya berniaga.
- Beliau banyak membantu penduduk yang msikin di kampung itu.



Kata Ganti Nama Diri Singkat

- Kata ganti nama diri singkat ialah kata ganti nama diri penuh yang telah disingkatkan.
- Kata ganti nama diri singkat mempunyai maksud yang sama dengan kata ganti nama diri penuh
- Ada empat kata ganti nama diri singkat.

Kata Ganti Nama Diri Singkat	Kata Ganti Nama Diri Penuh
ku	aku
kau	engkau
mu	kamu
nya	dia

Contoh ayat :

- "Lagu ini kutujukan untuk Shila yang berada di Kuala Lumpur," kata DJ Naz.
- "Adikmu sudah pandai membaca", kata ibu kepada kakak.
- Abangnya sedang belajar di luar negara.



Kata Ganti Nama Tempat

- Kata ganti nama tempat digunakan untuk menggantikan nama tempat.

Kata Ganti Nama Tempat	Penggunaannya
Sana	Digunakan untuk tempat yang dianggap jauh
Sini	Digunakan untuk tempat yang dekat dengan orang yang bercakap
Situ	Digunakan untuk tempat yang agak jauh, tetapi tidak sejauh sana

Contoh ayat:

- Letakkan beg kamu di *situ*.
- Mari ke *sini* dan tolong saya.
- Jangan pergi ke *sana*.



Kata Ganti Nama Tak Tentu

- Kata ganti nama tak tentu digunakan untuk menunjukkan sesuatu benda, perkara, masa atau seseorang yang tidak tentu.

Kata Ganti Nama Tak Tentu	Penggunaannya
Apa-apa	Digunakan untuk menunjukkan sesuatu perkara tidak tentu
Bila-bila	Digunakan untuk menunjukkan masa yang tidak tentu
Siapa-siapa	Digunakan untuk menggantikan orang yang tidak tentu
Mana-mana	Digunakan untuk menunjukkan benda atau tempat yang tidak tentu

Contoh ayat:

- Haikal tidak membawa *apa-apa* sewaktu datang ke rumah Cikgu Lim.
- Pokok itu boleh tumbang *bila-bila* masa sahaja.
- Tidak ada *siapa-siapa* di dalam rumah ini.
- Saya tidak ke *mana-mana* pada cuti sekolah ini.



Kata Ganti Nama Tanya

- Kata ganti nama tanya digunakan untuk membentuk ayat tanya.
- Tanda tanya (?) mesti diletakkan pada akhir ayat tanya.

Kata Ganti Nama Tanya	Penggunaannya
Apa	Digunakan untuk menanyakan nama benda atau bilangan
Siapa	Digunakan untuk menanyakan orang atau nama orang
Mana	Digunakan untuk menanyakan tempat atau nama tempat
Bila	Digunakan untuk menanyakan masa
Bagaimana	Digunakan untuk menanyakan cara
Mengapa	Digunakan untuk menanyakan hal atau sebab
Berapa	Digunakan untuk menanyakan bilangan atau tempoh masa


Contoh ayat :

- Apa* di dalam kotak itu?
- Siapa* yang tinggal di sebelah rumah kita?
- Mama kamu duduk di *mana*?



Kata Ganti Nama Tunjuk

- Kata ganti nama tunjuk digunakan untuk menunjukkan sesuatu atau seseorang.




Contoh ayat :

- Meja *itu* dibeli oleh pengetua pada minggu lepas.
- Pen *ini* saya pinjamkan kepada kamu.




- Kata kerja ialah perkataan yang merujuk kepada perbuatan atau perlakuan yang dilakukan oleh manusia, haiwan, atau benda.
- Kata kerja ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.



Contoh :

Subjek	Predikat	Predikat
	Kata Kerja Transitif	Objek
Emak	mencuci	pakaian
Ahmad	terlanggar	tiang



Contoh :

Subjek	Predikat	Predikat
	Kata Kerja Tak Transitif	Keterangan
Abang	berlari	di padang
Ayah	Tidur	kerana letih

Kata Bantu

- Kata bantu digunakan untuk menerangkan perbuatan dari segi masa dan ragam.
- Kata bantu terbahagi kepada dua, iaitu aspek dan ragam.

Jenis	Penggunaan	Contoh
Kata bantu aspek	Menjelaskan sesuatu perbuatan dari segi masa	sudah, telah, pernah, masih, sedang, belum, akan
Kata bantu ragam	Menjelaskan perasaan atau ragam yang berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan	harus, dapat, mesti, hendak

Contoh ayat :

Kata bantu aspek:

- Alya *sudah* membaca buku itu.
- Suraya *pernah* bekerja di kedai buku itu.
- ayah *akan* bertolak ke Kelantan pada esok pagi.

Kata bantu ragam

- Abang *hendak* membeli sebuah motosikal.
- Pengguna jalan raya *harus* mematuhi peraturan jalan raya.
- Adik *dapat* mengangkat basikal yang berat itu.

Kata Penguat

- Kata penguat ialah kata yang mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi untuk menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif.
- Kata penguat terbahagi kepada tiga jenis, iaitu hadapan, belakang, dan bebas.

Jenis	Penggunaan	Contoh
Kata penguat hadapan	Digunakan di hadapan kata adjektif	paling, agak, terlalu
Kata penguat belakang	Digunakan di belakang kata adjektif	benar, betul, sekali, nian
Kata penguat bebas	Digunakan di hadapan atau di belakang kata adjektif	amat, sangat, sungguh

Contoh ayat :

- Murid yang *paling* pintar di sekolah ialah Rahayu.
- Kereta api itu *sangat* laju.
- Pemandangan di tepi tasik itu *sungguh* indah.



Kata Adjektif

KATA ADJEKTIF

Definisi :

Perkataan yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu.

Jenis-jenis :

1 Kata Adjektif Sifat atau Keadaan

- Kata yang memberi pengertian sifat atau keadaan sebagai unsur keterangan nama.
- Contohnya, cerdik, takut, ganas, cermat, letih dan sebagainya.

2 Kata Adjektif Warna

- Terdiri daripada perkataan yang memberikan pengertian warna sebagai unsur keterangan.
- Contohnya, kuning, biru, merah, hijau dan sebagainya.

3 Kata Adjektif Ukuran

- Jenis perkataan yang memberikan pengertian ukuran sebagai unsur keterangan.
- Contohnya, pendek, tinggi, panjang, tebal, nipis dan sebagainya.

4 Kata Adjektif Bentuk

- Perkataan yang memberikan pengertian rupa bentuk sebagai unsur keterangan.
- Contohnya, segi tiga, bulat, bujur, leper dan sebagainya.

5 Kata Adjektif Jarak

- Jenis perkataan yang mempunyai makna konsep ruang antara dua benda atau keadaan sebagai penerang kata adjektif.
- Contohnya, jauh, dekat, hampir dan sebagainya

6 Kata Adjektif Waktu

- Jenis perkataan yang mempunyai pengertian konsep masa sebagai unsur penerangan.
- Contohnya, baharu, awal, lambat dan sebagainya

7 Kata Adjektif Perasaan

- Jenis perkataan yang mempunyai makna konsep perasaan sebagai penerang kata adjektif dan harus diikuti oleh kata sendi nama.
- Contohnya, sayang, sedih, gembira dan sebagainya

8 Kata Adjektif Cara

- Jenis perkataan yang mempunyai makna konsep keadaan kelakuan atau ragam, sebagai penerangan kata nama.
- Contohnya, cepat, laju, pantas, deras, gopoh dan sebagainya.

9 Kata Adjektif Pancaindera


- Jenis perkataan yang mempunyai makna konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh, atau gabungan kelima-lima panca indera, sebagai penerang kata nama.
- Contohnya, sedap, manis, serak, harum, wangi dan sebagainya.

Contoh ayat:

- (a) Safiah amat *rindu* akan emaknya.
- (b) Kasut baru saya berwarna *merah*.
- (c) suara penyanyi itu sungguh *merdu*.
- (d) Rumah Pak Wahid sungguh *besar*.

**Kata Perintah**

- Perkataan yang digunakan untuk memberikan sesuatu perintah, arahan, larangan, silaan atau permintaan.

Maksud

Contoh ayat :

- (a) *“Jangan sentuh barang-barang di atas meja ayah,”* kata Ayah pada Amir.
- (b) *Usah* biarkan adik bermain seorang diri di luar rumah.
- (c) *Sila* bawa kad pengenalan diri dan salinan surat beranak.
- (d) *Tolong* belikan saya semangkuk laksa dan secawan kopi.

**Kata Seru**

- Kata seru ialah perkataan yang digunakan untuk menunjukkan perasaan seseorang seperti sakit, marah, terkejut, hairan, sedih, sindiran dan sebagainya.
- Kata seru digunakan dalam pembinaan ayat seruan.

Kata Seru	Penggunaan
aduh	Menyatakan perasaan sakit
amboi	Menyatakan perasaan hairan atau kagum
aduhai	Menyatakan perasaan sedih
hai	Untuk menegur seseorang
ah	Untuk menyatakan tidak setuju atau menolak sesuatu
nah	Memberi sesuatu dengan marah atau menarik perhatian
oh	Menyatakan perasaan kecewa dan terkejut
wah	Menyatakan perasaan terkejut dan kagum
cis	Menyatakan perasaan marah
wahai	Menyatakan rasa sedih atau menarik perhatian
eh	menyatakan perasaan hairan atau terkejut
oh	Menyatakan perasaan terkejut, hairan, gembira atau mengharap
bedebah	Menyatakan perasaan marah
syabas	Menyatakan perasaan gembira
alahai	Menyatakan perasaan menghina
alamak	Menyatakan perasaan terkejut
ha	Menyatakan perasaan hairan

Contoh ayat :

- (a) *Aduh*, sakitnya kaki aku!
- (b) *Amboi*, cantiknya rumah kamu!
- (c) *Cis*, keluar kau dari pejabat aku ini!

- Kata hubung ialah perkataan yang digunakan untuk menghubungkan atau menggabungkan kata, frasa, atau ayat supaya menjadi satu ayat yang bermakna.

Kata Hubung	Contoh Ayat
dan	Rahim <i>dan</i> Aizat ke padang bola.
atau	Adik suka makan pau ayam <i>atau</i> pau daging?
tetapi	Encik Aiman menahan sebuah teksi <i>tetapi</i> teksi itu tidak berhenti.
kerana	Muthu menangis <i>kerana</i> terjatuh di tangga.
agar	Ayah berharap <i>agar</i> kamu dapat keputusan yang cemerlang.
apabila	Semua murid berdiri tegak <i>apabila</i> menyanyikan lagu negaraku.
bahawa	Budak lelaki itu menyatakan <i>bahawa</i> keluarganya miskin.
hingga	Pameran buku itu akan diadakan pada pukul 10.00 pagi <i>hingga</i> 10.00 malam.
kecuali	Ahnaf suka makan semua jenis sayur-sayuran <i>kecuali</i> timun.
jika	Kita hendaklah belajar bersungguh-sungguh <i>jika</i> hendak berjaya dalam pelajaran.
lalu	Adik bangun dari katil <i>lalu</i> ke tandas untuk bersiap ke sekolah.
manakala	Aiman mendapat keputusan 6A dalam peperiksaan pertengahan tahun <i>manakala</i> adiknya mendapat 3A 3B.
serta	Ayah minum kopi <i>serta</i> makan nasi kerabu.
semenjak	<i>Semenjak</i> kematian ibunya, sikapnya telah berubah.
sementara	Ayah berbual-berbual bersama rakannya <i>sementara</i> menunggu ibu siap menjalani rawatan gigi.
sungguhpun	<i>Sungguhpun</i> cuaca kurang baik, perlawanan bola sepak masih diteruskan.
supaya	Ibu menyiram pokok bunganya <i>supaya</i> sentiasa segar.
walaupun	Dia belajar bersungguh-sungguh <i>walaupun</i> sering kali gagal dalam ujian.
sambil	Opah menyapu halaman rumah <i>sambil</i> mendengar radio.

Kata Arah

- Kata arah menunjukkan kedudukan sesuatu tempat atau benda.
- Biasanya didahului oleh kata sendi nama.

Kata Arah	Contoh Ayat
antara	Ah Lim duduk di <i>antara</i> Rahman dan Ravi.
hadapan	Guru besar itu berdiri di <i>hadapan</i> murid-murid semasa perhimpunan.
atas	"Tolong ambil sikat itu di <i>atas</i> almari itu," kata ibu pada Aina.
luar	Azira menunggu rakannya di <i>luar</i> rumah.
tepi	Pelbagai gerai yang menjual makanan di <i>tepi</i> jalan raya itu.
celah	Sebatang pensel telah terjatuh di <i>celah</i> meja belajar itu.
sudut	Ibu meletakkan pasu bunga yang besar itu di <i>sudut</i> ruang tamu.
bawah	Adik sering merangkak di <i>bawah</i> meja makan itu.
dalam	Zamri menyimpan baki duit belanjanya di <i>dalam</i> tabungnya.
belakang	Datuk sedang berkebun di <i>belakang</i> rumah.
hilir	Pencemaran sungai telah berlaku di <i>hilir</i> sungai itu.
hulu	Rumah Encik Fatah terletak di <i>hulu</i> sungai.
sisi	Ain berdiri di <i>sisi</i> kuda yang hendak ditunggangnya.
seberang	Terdapat sebuah pondok di <i>seberang</i> sungai itu.
tengah	Kumpulan A sedang bermain bola sepak di <i>tengah</i> padang itu.

Kata Tanya

- Kata tanya digunakan untuk menanyakan sesuatu bagi mendapatkan jawapan.

Kata Tanya	Penggunaan
apa	Menanyakan nama tempat, haiwan, benda dan perkara
bila	Menanyakan masa atau waktu
bagaimana	Menanyakan cara, sifat, keadaan atau suasana
mengapa	Menanyakan sebab atau alasan
siapa	Menanyakan orang atau nama orang
berapa	Menanyakan jumlah, harga, atau bilangan
mana	Menanyakan tempat, benda, dan orang

Contoh ayat :

- Apakah* pekerjaan ayah awak?
- Siapakah* nama ibu kamu?
- Berapakah* harga sepasang kasut yang berjenama ini?
- Mengapakah* kamu tidak hadir ke seminar itu?



Kata Sendi Nama

- Kata sendi nama ialah perkataan yang digunakan untuk menyambung frasa nama dengan perkataan atau frasa lain.
- Kata sendi nama perlu berada di hadapan kata atau frasa nama.

Kata Sendi Nama	Penggunaan
antara / dalam	Menunjukkan lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak
dari	Menunjukkan tempat, arah, dan masa
di	Menunjukkan tempat
ke	Menunjukkan tempat atau arah serta masa
pada	Menunjukkan keterangan waktu atau tempat bagi sesuatu perbuatan
sejak / semenjak	Menunjukkan had waktu
bagi	Menunjukkan kegunaan sesuatu
daripada	Menunjukkan perbandingan, perbezaan, asal kejadian sesuatu
dengan	Menunjukkan maksud bersama-sama, cara sesuatu itu dilakukan dan menyatakan keadaan
demi	Menunjukkan makna tujuan dan makna urutan
hingga / sampai / sehingga	Menunjukkan maksud perihai peringkat, had masa, waktu dan tempat
kepada	Menunjukkan sasaran, pecahan, dan perubahan keadaan
oleh	Menunjukkan maksud sebab dalam ayat pasif
seperti / bagai	Menunjukkan perbandingan
tentang	Menunjukkan maksud rujukan sesuatu yang tidak tentu
terhadap	Menunjukkan maksud rujukan yang melibatkan penyambut yang tertentu
untuk	Menunjukkan kegunaan sesuatu atau maksud bahagian yang telah diperuntukkan

Contoh ayat :

- Pertandingan melukis itu diadakan *di* Seremban.
- Rahayu terima surat *daripada* rakan baiknya.
- Linda sayang *akan* ibunya.



Kata Majmuk

- Kata majmuk dihasilkan melalui proses pemajmukan yang merangkaikan dua patah atau lebih kata dasar untuk membentuk kata baharu dan makna baharu.
- Kata majmuk dieja terpisah, tetapi kata majmuk yang telah mantap dieja bercantum.
- Kata majmuk terbahagi kepada empat bentuk, iaitu:

Jenis	Contoh
Kata majmuk rangkaian kata bebas	gambar rajah, balai raya, jam tangan, papan tulis, kolam renang, ibu bapa
Kata majmuk istilah khusus	atur cara, kemas kini, reka bentuk, pita suara, teknologi maklumat, telefon mudah alih
Kata majmuk kiasan	anak emas, kaki ayam, mandi peluh, cari jalan, campur tangan, baik hati
Kata majmuk yang telah mantap	antarabangsa, matahari, kerjasama, sukarela, tanggungjawab, sukacita, tandatangan



Kata Pemeri

- Kata pemeri ialah perkataan yang menghubungkan subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat.
- Terdapat dua kata pemeri, iaitu **ialah** dan **adalah**.
- Kata pemeri **ialah** diletakkan di hadapan kata nama atau kata frasa nama.
- Kata pemeri **adalah** diletakkan di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Contoh ayat :

- (a) Gadis yang berambut panjang itu *ialah* kakak saya.
 (b) Irna *adalah* antara pelajar yang cemerlang di sekolah itu.
 (c) Dalam kereta Toyota Vios *adalah* luas dan selesa.



Kata Bilangan

- Kata bilangan digunakan untuk menyatakan bilangan atau jumlah sesuatu benda.
- Kata bilangan terbahagi kepada enam jenis, iaitu:

Jenis	Penggunaan	Contoh
Kata bilangan tentu	Menyatakan bilangan yang tepat	dua, dua puluh, seribu, sejuta
Kata bilangan tak tentu	Menyatakan bilangan yang tidak dapat dikira dengan tepat	segala, para, sedikit, banyak
Kata bilangan pisahan	Merujuk jumlah yang berasingan	tiap-tiap, masing-masing, dua-dua
Kata bilangan pecahan	Menyatakan bilangan yang bukan berbentuk angka bulat	suku, setengah, seperdua, separuh
Kata bilangan himpunan	Menunjukkan bilangan secara himpunan atau dalam bentuk kelompok tertentu	ketiga-tiga, berabad-abad, berkotak-kotak
Kata bilangan tingkat	Menunjukkan urutan dalam sesuatu jumlah	pertama, kedua, kesepuluh



Kata Pembena

- Kata pembena ialah perkataan yang digunakan untuk menegaskan sesuatu pernyataan.
- Kata pembena yang selalu digunakan ialah ya, benar, dan betul.

Contoh ayat :

“Ya, saya akan datang esok,” kata Zulkefli kepada Mat Jani.

“Benar, merekalah yang memancing di situ,” kata Ali kepada Padin.

“Betul, begitulah caranya memotong bawang, ” kata ibu kepada adik.



Kata Nafi

- Kata nafi ialah perkataan yang digunakan untuk menafikan sesuatu pernyataan.
- Terdapat dua kata nafi, iaitu **bukan** dan **tidak**.
- Kata nafi **bukan** digunakan untuk menafikan frasa nama dan frasa sendi nama.

Contoh ayat:

(a) Pemuda yang berbaju merah itu *bukan* abang saya.

(b) Baju kemeja ini *bukan* untuk Darwish, tetapi untuk abang saya.

Kata nafi **tidak** digunakan untuk menafikan frasa kerja dan frasa adjektif.

Contoh ayat:

(a) Melepak di pusat membeli-belah *tidak* memberikan sebarang faedah.

(b) Sungai di belakang rumah saya *tidak* dalam sangat.



Penjodoh Bilangan

- Penjodoh bilangan ialah kata nama yang menjadi pasangan kepada kata bilangan.
- Kata nama ini digunakan untuk menerangkan bentuk, saiz, dan rupa kata nama yang mengikutinya.

Jenis	Penggunaan	Contoh
angkatan	Kumpulan manusia atau benda yang tersusun	askar, pelukis, kapal perang
batang	Benda yang panjang, bulat, dan keras	kayu, pokok, pen, tiang
buku	Benda yang berketul atau berbongkah kecil	benang, roti, sabun
cucuk	Benda yang dicucuk	sate, bebola
das	Bunyi tembakan atau letupan	pistol, meriam, senapang
gelung	Benda yang panjang dan berlingkar	tali, rotan, dawai, wayar



Penanda Wacana

- Penanda wacana ialah rangkai kata yang digunakan untuk menghubungkan dua ayat atau idea.
- Ayat-ayat yang menggunakan penanda wacana saling berkaitan antara satu dengan yang lain.

Contoh	Penggunaan
jadi/justeru/oleh itu	Merujuk hasil sesuatu tindakan
namun begitu/namun demikian/ walaupun demikian	Merujuk keadaan atau situasi yang bertentangan dengan situasi yang sepatutnya
selain itu/di samping itu	Merujuk perkara yang berkaitan
kemudian/seterusnya	Merujuk perkara yang menyusul atau yang berikutnya
mungkin	Merujuk agakan terhadap perkara yang dinyatakan sebelumnya
mujurlah	Merujuk sesuatu yang menyelamatkan keadaan



Kata Ganda

- Kata ganda ialah bentuk kata yang mengalami perulangan pada kata dasarnya sama ada secara sebahagian atau seluruh kata.
- Kata ganda terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

Jenis	Penggunaan	Contoh
Kata ganda penuh	Mengulang seluruh kata dasar	buku-buku, daun-daun, duit-duit
Kata ganda separa	Sebahagian daripada kata digandakan sama ada di hadapan atau di belakang kata dasar	bebuli, dedaun, lelaki, sesungut, rerama, sesumpah, peparu
Kata ganda berentak	Kata dasar digandakan mengikut rentak dan bunyi tertentu	anak-pinak, desas-desus, gopoh-gapah, comot-momot



Peribahasa

- Peribahasa ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu.
- Peribahasa terdiri daripada simpulan bahasa, perumpamaan, bandingan semacam, bidalan, pepatah dan kata-kata hikmah.



Perumpamaan

- Perumpamaan ialah peribahasa yang berbentuk perbandingan yang memberi teladan dan pengajaran. Biasanya perumpamaan menggunakan perkataan seperti bagai, bak, umpama, dan laksana.

Perumpamaan	Maksud
bagai aur dengan tebing	saling menolong
bagai menatang minyak yang penuh	memelihara anak dengan penuh kasih sayang
seperti anjing berebut tulang	orang tamak yang berebutkan harta
seperti katak di bawah tempurung	orang yang cetek pengetahuan



Simpulan Bahasa

- Simpuln bahasa ialah rangkai kata yang terdiri daripada dua atau lebih perkataan yang mempunyai makna yang berlainan daripada erti perkataan yang membentuknya.

Simpulan Bahasa	Maksud
Alas perut	Makan sedikit untuk menahan lapar
Air muka	Rupa muka yang membayangkan sesuatu perasaan
Air tangan	Hasil kerja tangan seseorang
Anak buah	Pengikut / rakyat / orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga
Anak bujang	Anak lelaki yang belum berkahwin
Anak didik	Pengikut seseorang pemimpin yang diasuh sendiri oleh pemimpin itu
Batu api	Orang yang suka menghasut
Buah fikiran	Pendapat
Besar hati	Bangga dan gembira
Bulat hati	Lurus hati / bersungguh-sungguh
Hati tikus	Penakut atau pengecut
Hati terbuka	Perasaan senang hati untuk menerima sesuatu
Kera sumbang	Orang yang hidup dengan mengasingkan diri
Langkah seribu	Melarikan diri dengan sekuat-kuat hati kerana ketakutan
Lapang dada	Perasaan sabar / berasa senang
Lupa daratan	Tidak tahu mengenang budi dan kebaikan orang terhadap dirinya
Makan suap	Rasuah
Muka tembok	Tidak tahu malu
Membawa diri	Menjauhkan diri / mengembara
Menambat hati	Menarik dan memikat perasaan
Menara gading	Tempat yang mempunyai kedudukan yang tinggi seperti universiti
Menghulur tangan	Memberi pertolongan
Otak cair	Pandai, cerdik
Tangan terbuka	Menyambut sesuatu dengan sukacita
Tangkai jering	Kedekut